**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

---

## A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 247 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 34,725 kes. Satu (1) kes kematian dicatatkan di Daerah Kota Kinabalu. Takziah kepada keluarga yang terlibat.

2 Pada hari ini, seramai 316 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 32,203 orang. Sejumlah 1,848 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 593 orang di hospital dan 1,255 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 59 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:




Tiada penambahan zon merah direkodkan.

4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.

5 Daripada 247 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 154 kes (62.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan kluster-kluster sedia ada 21 kes (8.5%), saringan bergejala 46 kes (18.6%), saringan komuniti 4 kes (1.6%) dan 15 kes (7.7%) adalah dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 966 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,416 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,382 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 28.96%.

## B. ***STANDARD OPERATING PROCEDURE*** **(SOP) TERKINI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DARI 21 HINGGA 31 DISEMBER 2020**

1 Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi kelonggaran SOP sedia ada yang melibatkan beberapa aktiviti seperti berikut:

i. Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan;

ii. Mesyuarat Secara Bersemuka;

iii. MICE (*Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions*);

iv. Seminar / Bengkel / Persidangan / Pameran; dan

v. Penganjuran Majlis Keramaian.

2 Maklumat terperinci mengenai SOP tersebut boleh dirujuk di **LAMPIRAN A.**

## C. **BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **301,763** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

## D. BANTUAN LOGISTIK

1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.

2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 15 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 203 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

## E. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.98%.** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Kinabatangan | 99% |
| 2 | Sipitang | 99% |
| 3 | Kota Belud | 99% |
| 4 | Kota Kinabalu | 99% |
| 5 | Kudat | 98.5% |
| 6 | Beaufort | 98.5% |
| 7 | Kunak | 98.5% |
| 8 | Semporna | 98% |
| 9 | Penampang | 98% |
| 10 | Papar | 98% |
| 11 | Kota Marudu | 98% |
| 12 | Beluran | 98% |
| 13 | Sandakan | 98% |
| 14 | Lahad Datu | 97% |
| 15 | Tuaran | 97% |
| 16 | Keningau | 97% |
| 17 | Tenom | 97% |
| 18 | Tawau | 97% |
| 19 | Ranau | 96% |

2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan ketika mengunjungi tempat tumpuan awam seperti pasar raya dan pasar awam bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

## F. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis di dua (2) Daerah iaitu Lahad Datu dan Kinabatangan.

2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 71 lokasi di empat 10 daerah. Hebahan dibuat dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
21 Disember 2020

# LAMPIRAN A

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

**Aktiviti dibenarkan**

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**

- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawasan Yang Terlibat** | • Seluruh Negeri Sabah kecuali di lokaliti-lokaliti yang masih dikuatkuasakan PKP Diperketatkan (PKPD). SOP PKPD di lokaliti-lokaliti berkenaan masih berkuatkuasa sehingga tarikh tamat PKPD berkenaan. |
| **Tempoh Berkuatkuasa** | **21 Disember 2020 (mulai 12.01 pagi) sehingga 31 Disember 2020 (11.59 malam)** |
| **Kawalan Pergerakan** | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan dengan bantuan ATM, ESSCOM, APMM, APM & RELA.<br><br>**Pergerakan individu masuk ke Sabah:**<br><br>• Kemasukan individu ke negeri Sabah adalah **DIBENARKAN** untuk tujuan lawatan sosial bagi kategori berikut**:**<br>a. Kemasukan domestik (pemegang MyKad, MyPR, MyKAS);<br>b. Pemegang pas-pas imigresen jangka panjang (bukan warganegara) yang sah tempoh; dan<br>c. Suami / isteri kepada rakyat Sabah dan tanggungan.<br><br>• Semua individu yang akan masuk ke Sabah melalui pintu masuk udara, laut dan darat perlu menjalani ujian **RTK-PCR** atau **RTK-Ag COVID-19** dalam tempoh 1-3 hari sebelum perjalanan. Hanya individu yang tidak bergejala dengan keputusan ujian negatif akan dibenarkan masuk ke Sabah. |

1

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

**Aktiviti dibenarkan**

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**

- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan** | **Pergerakan individu keluar dari Sabah:**<br><br>• Individu dari Sabah ke Semenanjung perlu menjalani ujian **RT-PCR** atau **RTK-Ag COVID-19** tiga (3) hari sebelum berlepas dari Sabah (berdasarkan ketetapan oleh KKM).<br><br>• Individu dari Sabah ke Sarawak perlu menjalani ujian **RT-PCR COVID-19** tiga (3) hari sebelum berlepas dari Sabah (berdasarkan ketetapan oleh Kerajaan Negeri Sarawak).<br><br>• Hanya individu yang tidak bergejala dengan keputusan ujian negatif akan dibenarkan untuk meneruskan perjalanan.<br><br>**Rentas negeri dan rentas daerah:**<br><br>• Pergerakan keluar / masuk merentas negeri dan daerah adalah **DIBENARKAN** tanpa perlu memohon kebenaran pihak PDRM **KECUALI** bagi penduduk yang tinggal dalam lokaliti yang sedang menjalani PKPD**.**<br><br>**Kapasiti penumpang dalam kenderaan persendirian:**<br><br>• **TIADA HAD** dalam kenderaan persendirian bagi orang yang keluar daripada rumah yang sama **TETAPI** hendaklah mengikut kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut. Individu yang berisiko tinggi dan kanak-kanak tidak digalakkan keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak. |

2

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

### Aktiviti dibenarkan
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan** | • Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan **DIBENARKAN** beroperasi dengan pematuhan SOP sedia ada.<br>• Pergerakan kenderaan jabatan Kerajaan atau syarikat swasta bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi hendaklah dengan pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut dan pemakaian pelitup muka.<br>**Pengangkutan awam:**<br>• Perkhidmatan bas ekspres, bas persiaran, bas henti-henti, keretapi, perkhidmatan feri awam dan bot penumpang yang melibatkan rentas negeri dan rentas daerah adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan **kapasiti 50%** serta pematuhan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.<br>• Perkhidmatan teksi dan *e-hailing* adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan maksimum dua (2) orang penumpang dengan pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut serta pemakaian pelitup muka. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

### Aktiviti dibenarkan
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan di Laut** | • Pergerakan keluar bot-bot kecil dari pulau-pulau di negeri Sabah ke tanah besar termasuk pergerakan bot-bot di kawasan pesisiran pantai hanya **DIBENARKAN** mulai jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja dengan **kapasiti 50%**.<br>• Pergerakan bot-bot nelayan di perairan ESSZONE yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan **DIBENARKAN** dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang (hanya di jeti-jeti yang dibenarkan sahaja). Kebenaran ini tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah berkenaan.<br>• Pergerakan kapal-kapal berikut adalah **TIDAK DIBENARKAN** iaitu:<br>a. Semua kapal *Non-Convention Ships* (NCS) Indonesia dan Filipina yang memasuki perairan ESSZONE, Sabah, Malaysia dan semua Kapal NCS Malaysia dari perairan ESSZONE ke Filipina dan Indonesia;<br>b. Kapal pengangkut ikan Indonesia ke Tawau; dan<br>c. Kapal NCS dari Filipina yang melalui perairan Sabah untuk ke W.P Labuan.<br>Nota: **Kelulusan khas telah diberikan** bagi pergerakan kapal-kapal NCS untuk aktiviti *transhipment* selama 25 hari iaitu mulai 21 Disember 2020 hingga 15 Januari 2021 bagi penghantaran lambakan baki stok barangan sedia ada di gudang-gudang di pelabuhan Sandakan dan Tawau. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

### Aktiviti dibenarkan
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPB** | • Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPB berjalan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.<br>• Pasar Raya, Pusat Beli belah, *Retail Store* dan kedai runcit **DIBENARKAN** beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.<br>• Restoran, café, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja, medan selera, kedai serbaneka dan perkhidmatan penghantaran *(delivery)* makanan **DIBENARKAN** beroperasi antara 6.00 pagi hingga 12.00 malam dengan pematuhan SOP Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis, Penjaja Tanpa Premis, Pasar Berbangunan dan Peruncitan/Serbaneka Makanan & Minuman).<br>• *Dine in* **DIBENARKAN** di restoran termasuk restoran dalam premis hotel, kedai / gerai makan, *coffee shop* dan medan selera dengan separuh daripada kapasiti saiz meja iaitu dua (2) orang bagi meja empat (4) orang, tiga (3) orang bagi meja enam (6) orang, empat (4) orang bagi meja lapan (8) orang dan seterusnya dengan penjarakan fizikal 1 meter.<br>• Bagi pelanggan yang datang berkeluarga dari rumah yang sama, *dine in* adalah dibolehkan mengikut kapasiti meja makan tersebut.<br>• Pembelian makanan secara bawa pulang *(take away)* dan pandu lalu juga dibenarkan dengan pematuhan kepada SOP Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis, Penjaja Tanpa Premis, Pasar Berbangunan dan Peruncitan/Serbaneka Makanan & Minuman). |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

### Aktiviti dibenarkan
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPB** | • Operasi pasar-pasar adalah **DIBENARKAN** seperti berikut:<br>a. Pasar Harian : 6.00 pagi hingga 6.00 petang<br>b. Pasar Malam : 5.00 petang hingga 10.00 malam<br>c. Pasar Tamu : 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>d. Pasar Tani : 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>e. Pasar Borong: 12.01 pagi hingga 2.00 petang<br>• Operasi pasar-pasar tersebut hendaklah dengan pematuhan SOP dan pengawasan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.<br>• Waktu operasi stesen minyak adalah antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.<br>• Operasi dobi adalah **DIBENARKAN** bermula dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.<br>• Operasi lain-lain perniagaan yang **DIBENARKAN** bermula dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam. |

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Perkhidmatan Perubatan/ Kesihatan** | • Klinik dan hospital Kerajaan / swasta **DIBENARKAN** beroperasi secara 24 jam atau mengikut waktu yang ditetapkan oleh Kerajaan.<br>• Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 6.00 pagi hingga 10.00 malam. |
| **Tatacara Utama Premis** | • Pelanggan dan pemilik premis wajib menggunakan aplikasi MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon serta mengimbas suhu badan. Suhu badan 37.5 darjah Celcius dan ke atas serta tidak memakai pelitup muka adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis.<br>• Pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter.<br>• Pemilik premis perlu menyediakan *hand sanitizer* atau tempat mencuci tangan.<br>• Pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dalam sesuatu masa dan memaparkan jumlah maksimum pelanggan yang berada dalam premis. |
| **Aktiviti Pekerjaan** | • Pergerakan keluar / masuk merentas daerah adalah **DIBENARKAN** kecuali bagi penduduk yang tinggal dalam lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD.<br>• Bagi kenderaan yang membawa pekerja termasuk kenderaan persendirian adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan **kapasiti 50%** dan pematuhan SOP. |



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Sukan dan Rekreasi** | • Aktiviti sukan dan rekreasi yang **tidak bersentuhan fizikal** (*indoor dan outdoor*) dan dijalankan secara individu tidak melebihi 25 orang dalam satu-satu masa seperti berjalan, jogging, berbasikal, senam robik kendiri, hiking, memancing, golf, badminton (*single/double/mixed double*) dan lain-lain di dalam daerah/ kawasan yang sama dan terbuka sahaja adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi.<br>• Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti sukan oleh orang awam adalah **TERHAD** bagi **aktiviti latihan** yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan maksimum 25 orang sahaja. Setiap pengusaha dan operator sukan perlu menjadualkan pelaksanaan latihan sekiranya terdapat ramai peserta dengan menghadkan jumlah tidak melebihi 25 orang pada satu-satu masa.<br>• Aktiviti rekreasi laut dan sungai seperti *scuba diving*, *snorkelling*, memancing, *sea walking, jet skiing, fun rides, water rafting dan canoeing* adalah **DIBENARKAN** dengan kapasiti 50% .<br>• Muatan penumpang bagi bot yang membawa individu untuk aktiviti rekreasi laut adalah dihadkan kepada 50% dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah.<br>• Aktiviti rekreasi laut dan sungai adalah **TIDAK DIBENARKAN** dalam lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 21 Disember 2020

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti Sektor Perikanan | • Sektor perikanan **DIBENARKAN** beroperasi namun tertakluk kepada arahan Kawalan Pergerakan di Laut dan mana-mana arahan lain yang sedang berkuatkuasa. |
| Aktiviti Keagamaan | • Aktiviti di masjid dan surau **DIBENARKAN** tertakluk kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.<br>• Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam **DIBENARKAN** dengan had maksimum kehadiran ialah seramai 50% daripada kapasiti rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal serta mematuhi SOP Rumah Ibadat Bukan Islam yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Sabah.<br>• Bagi sambutan perayaan Pra-Natal dan Hari Natal di rumah ibadat bukan Islam dan di rumah kediaman juga hendaklah mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh kementerian tersebut.<br>• Upacara pernikahan (akad nikah) Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran had maksima 20 orang sahaja berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal di pejabat Agama atau tertakluk kepada jumlah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah. |



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 21 Disember 2020

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian ekonomi dan industri..
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti Keagamaan | • Upacara perkahwinan bukan Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran had maksima 20 orang berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal di Jabatan Pendaftaran Negara / Rumah Ibadat / Persatuan Agama Bukan Islam. |
| Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan | • Aktiviti-aktiviti berikut dibenarkan beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan adalah tertakluk kepada SOP-SOP PKPB Sektor Pelancongan dan Kebudayaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar serta Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah:-<br>i. Produk tarikan pelancong awam seperti zoo, *farms*, akuarium, pusat *edutainment*, taman rekreasi, *extreme / adventure / nature parks* dan lain-lain;<br>ii. Premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat / kampung seni warisan budaya, pentas persembahan budaya dan lain-lain;<br>iii. Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga; dan<br>iv. Lain-lain aktiviti yang tidak termasuk dalam Senarai Aktiviti yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)<br>• Aktiviti ini **TIDAK DIBENARKAN** dalam lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian ekonomi dan industri..
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Industri Kreatif** | • Aktiviti rakaman bagi muzik, konsert, penggambaran filem, bual bicara dan seumpamanya **DIBENARKAN** sama ada rakaman dalaman (studio) atau luar premis dengan jumlah kru yang minima dan TANPA PENONTON serta mematuhi SOP Industri Kreatif.<br>• Aktiviti acara langsung **DIBENARKAN** tanpa penonton dengan jumlah kru dan petugas yang ditetapkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multi Media (KKMM), Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.<br>• Aktiviti busking, persembahan muzik dan nyanyian di dalam lokasi tertutup dalam bangunan (seperti restoran, café, shopping mall, *lounge* hotel) adalah **DIBENARKAN** dengan kawalan masa persembahan dan jumlah penonton yang ditetapkan oleh KKMM dan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.<br>• Aktiviti ini **TIDAK DIBENARKAN** dalam lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **TASKA, Pusat Jagaan Kanak-kanak dan Kelas-kelas** | • TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah **DIBENARKAN** beroperasi dengan pematuhan SOP yang ditetapkan.<br>• Kelas tuisyen, kelas muzik, kelas tarian, kelas seni, kelas mengaji berbayar, kelas bahasa berbayar dan sebagainya **DIBENARKAN** beroperasi dengan tidak melebihi lima (5) orang dalam satu-satu masa serta tertakluk kepada saiz ruang dengan penjarakan fizikal.<br>• Aktiviti ini **TIDAK DIBENARKAN** dalam lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD. |
| **Mesyuarat** | • Mesyuarat secara bersemuka bagi urusan rasmi/kerja yang diadakan di pejabat, hotel dan lain-lain institusi adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan hanya 50% kapasiti bilik mesyuarat. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **MICE (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*):** | • Aktiviti acara perniagaan (*business events*) berkaitan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran adalah **DIBENARKAN** beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP yang ditetapkan.<br>• Aktiviti ini **TIDAK DIBENARKAN** dalam lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD. |
| **Seminar / Bengkel / Persidangan / Pameran:** | • Semua Seminar/Bengkel/Kursus/Latihan/Persidangan/Ceramah **DIBENARKAN** beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP Am Pelaksanaan Majlis Rasmi Kerajaan dan Swasta.<br>• Latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan **BOLEH DILAKSANAKAN** hanya dalam kawasan institusi latihan sahaja. |
| **Penganjuran Majlis Keramaian** | • Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta, Majlis Sosial seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion*, *retreat* dan lain-lain majlis sosial **DIBENARKAN** beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP Am Pelaksanaan Majlis Sosial.<br>• Aktiviti ini **TIDAK DIBENARKAN** dalam lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Lain-Lain Aktiviti Yang Dibenarkan** | • Lain-lain aktiviti yang tidak termasuk dalam Senarai Aktiviti yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*) adalah dibenarkan berdasarkan SOP sedia ada yang telah ditetapkan. |
| **Permohonan Pengecualian** | • Sebarang permohonan pengecualian hendaklah melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) dan dirujuk kepada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara: Pengurusan COVID-19. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Senarai Aktiviti Yang TIDAK DIBENARKAN (*Negative List*)** | |
| **Aktiviti Hiburan** | • Aktiviti di kelab malam atau pub.<br>• Aktiviti di panggung wayang.<br>• Aktiviti konsert atau acara langsung dengan kehadiran penonton. |
| **Pendidikan** | • Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, pusat tahfiz, sekolah dan tadika adalah **TERTAKLUK** kepada arahan untuk beroperasi oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia.<br>• **PENGECUALIAN:** Pelajar sekolah, IPTA, IPTS yang mengambil ujian atau peperiksaan dengan institusi luar negara adalah **DIBENARKAN** untuk hadir menduduki peperiksaan sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran. |
| **Aktiviti Sukan dan Rekreasi** | • Aktiviti berkelah, aktiviti bersentuhan fizikal / sukan tempur, aktiviti perlawanan bagi sukan berpasukan dan aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan.<br>• Aktiviti sukan, rekreasi dan riadah yang melibatkan penglibatan yang ramai dan sukar dikawal penjarakan fizikal.<br>• Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton dan acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negara. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

**Dikemaskini pada 21 Disember 2020**

**Aktiviti dibenarkan**
- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri.
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3), Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Senarai Aktiviti Yang TIDAK DIBENARKAN (*Negative List*)** | |
| **Lain-lain Aktiviti yang Tidak Dibenarkan** | • Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.<br>• Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. |